

# PM: Pemberian khas Sabah dinaikkan 4.7 kali ganda

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Jumlah pemberian khas baharu kepada Sabah dinaikkan sebanyak 4.7 kali ganda daripada RM26.7 juta kepada RM125.6 juta bagi 2022 manakala jumlahnya meningkat setiap tahun bagi tempoh 2023-2026 mengikut kadar kenaikan dipersetujui bersama.

Kenyataan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor memaklumkan, persetujuan itu adalah hasil kata sepakat berhubung kajian semula pemberian khas kepada Sabah di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, perkembangan itu susulan beberapa perbincangan dan rundingan yang diadakan Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Sabah dengan kebanyakan terma dipersetujui pada 14 Februari lalu.

“Persetujuan ini adalah satu petanda penting memandangkan kali terakhir kajian semula itu dibuat adalah pada 1969,” ujar kenyataan bersama itu.

Selain itu, kata sepakat tersebut membawa perkembangan dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah



**JUMLAH Pemberian Khas Sabah dinaikkan 4.7 kali ganda kepada RM125.6 juta dan dijangka meningkat lagi menjelang 2026.**

terus berunding berhubung tuntutan 40 peratus daripada hasil Sabah dan menjalankan kajian semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan suatu jumlah pemberian khas baharu.

Menurut kenyataan itu, langkah tersebut agar dapat mengimbangi keperluan Sabah tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

“Sekiranya suatu jumlah baharu dipersetujui oleh kedua-dua pihak berjaya dicapai sebelum tahun 2026, maka amaun baharu tersebut diguna pakai untuk menggantikan bayaran pemberian khas kepada negeri Sabah bermula 2022,” kata kenyataan itu.

Selain itu, kenyataan memaklumkan, persetujuan tersebut adalah tanpa prejudis terhadap kewajipan dan hak

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk meneruskan kajian semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira kedudukan kewangan Pusat serta keperluan kerajaan negeri berhubung kos perkhidmatan negeri.

Kata kenyataan sama lagi, Kerajaan Negeri Sabah berhak, bergantung kepada formula asal seperti dinyatakan dalam Perkara 112C dan Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.

“Pelaksanaan kajian semula pemberian khas ini termasuk hak kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk merujuk perkara itu kepada penaksir bebas (jika tiada persetujuan dicapai) seperti yang dinyatakan dalam Perkara 112D(6) Perlembagaan Persekutuan.

“Kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah akan membekalkan data dan maklumat mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan serta keperluan Kerajaan Negeri Sabah berhubung kos perkhidmatan negeri yang akan diambil kira dalam proses kajian semula pemberian khas tersebut,” ujar kenyataan itu.